

## PROMOSI KEUNTUNGAN BERGANDA CASA-i & KAD DEBIT-i

### TEMPOH PROMOSI

Tarikh Kemaskini 21 Disember 2017

“Promosi Keuntungan Berganda CASA-i & Kad Debit-i” (“Promosi”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”), bermula dari 2 Januari 2018 hingga 31 Mac 2018, termasuk kedua-dua tarikh melainkan diberitahu sebaliknya (“Tempoh Promosi”).

### Terma dan Syarat

Terma dan Syarat Promosi adalah seperti berikut:-

### KELAYAKAN

#### Akaun Semasa dan Simpanan-i (“CASA-i”)

1. Promosi terbuka kepada semua pelanggan individu HLISB, warga negara Malaysia yang merupakan pemegang akaun baharu dan sedia ada bagi CASA-i yang mengambil bahagian (“Pemegang Akaun”).
2. Bagi mengelakkan keraguan:-
  - (a) “Pemegang Akaun Baharu” bermaksud Pemegang Akaun yang membuka CASA-i semasa Tempoh Promosi;
  - (b) “Pemegang Akaun Sedia Ada” bermaksud Pemegang Akaun yang membuka CASA-i sebelum 2 Januari 2018.
3. Promosi **TIDAK** terbuka kepada pelanggan bukan individu termasuk persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tanpa untung, empunya tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang berdaftar atau diperbadankan dalam Malaysia, termasuk Sendirian Berhad, syarikat tersenarai dan perbadanan multinasional.
4. CASA-i yang mengambil bahagian adalah seperti berikut (“Akaun Penyertaan”)
  - (i) Akaun Simpanan Asas-i Hong Leong
  - (ii) Akaun Simpanan-i Hong Leong
  - (iii) Akaun Simpanan “Multi-tier-i” Hong Leong
  - (iv) Akaun Simpanan “Pay&Save-i” Hong Leong
  - (v) Akaun Semasa “Payroll Plus-i” Hong Leong
  - (vi) Akaun Semasa “One-i” Hong Leong
5. Akaun Penyertaan adalah berdasarkan Prinsip Shariah Tawarruq dan layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

#### Kad Debit-i (“DC-i”)

6. Kempen terbuka kepada seluruh Pemegang Kad Debit-i HLISB sedia ada dan baharu (“Pemegang Kad Layak”) kecuali mereka yang dinyatakan dalam Fasal 7.
7. Pemegang Kad Layak tidak termasuk golongan berikut:
  - (a) Pemegang Kad yang memiliki Kad Debit-i HLISB yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
  - (b) Pemegang Kad yang memiliki Kad Debit-i HLISB Junior;
  - (c) Pemegang Kad yang akaun Kad Debitnya TIDAK berkedudukan baik, tak aktif, dipautkan kepada Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i (“CASA/CASA-i”) atau yang melanggar terma dan syarat HLISB mengenai Akaun Kad Debit dan/atau akaun CASA/CASA-i pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen;
  - (d) Pemegang Kad yang akaun Kad Debitnya disyaki telah dikendalikan secara tipuan, menyalahi undang-undang dan/atau Kad Debitnya tak sah atau dibatalkan mengikut takrif HLISB pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen sehingga berakhirnya pemenuhan syarat.

## KAEDAH PROMOSI

### **(i) Pemberian Peserta Terawal CASA-i (“Pemberian”)**

8. Pemegang Akaun yang telah mematuhi syarat Amaun Deposit sepetimana tertera di bawah ini selama tiga (3) bulan berturut-turut (“Peserta Layak”) adalah berhak mendapat Pemberian berikut, tertakluk kepada siapa cepat dia dapat dan ketersediaan stok:-

No	Pemberian	Amaun Deposit	Kuantiti (Unit)
1.	“Royal Selangor Pewter Money Tree” (Saduran Emas)	RM50,000	300
2.	“Royal Selangor Pewter Money Tree”	RM30,000	400

9. CASA-i mesti buka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) dalam Tempoh Promosi dan sehingga 30 Jun 2018 untuk tujuan pemberian hadiah peraduan. Sekiranya gagal, Pemegang Akaun akan hilang kelayakan daripada menerima hadiah peraduan
10. Bagi tujuan Promosi ini, semua deposit mestilah Dana Baharu. Bagi mengelakkan keraguan, “Dana Baharu” adalah:-
- (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain; dan
  - (b) Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe yang didepositkan semula ke dalam mana-mana CASA-i.
11. Yang berikut ini tidak dianggap sebagai “Dana Baharu”:-
- (a) pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada akaun lain HLISB atau Hong Leong Bank (“HLB”) (sama ada Akaun Simpanan, Semasa, Deposit Tetap, Pelaburan Am atau Deposit Bertempoh-i); dan/atau
  - (b) pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan akaun pihak ketiga (ke-3).
12. Peserta Layak akan dipilih secara automatik berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Promosi, sepetimana dipaparkan dan tercatat dalam sistem HLISB. Tiada borang penyertaan peraduan atau pendaftaran diperlukan bagi tujuan penembusan Hadiah.
13. **TUJUH RATUS (700)** Peserta Layak akan dipilih bagi syarat pemenuhan Pemberian di cawangan HLISB / HLB berkenaan setelah memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Fasal 6, tertakluk kepada siapa cepat dia dapat dan ketersediaan stok, dihadkan kepada satu (1) Pemberian bagi setiap Peserta Layak.

### Pulangan Tunai DC-i (“Pulangan Tunai”)

14. Transaksi Layak ditakrif sebagai transaksi menjamu selera tempatan dan barang runcit tempatan yang dicaj menggunakan Kad Debit-i HLISB semasa Tempoh Kempen dan dicatatkan dalam Ringgit Malaysia (RM).
15. Transaksi Layak **TIDAK TERMASUK** yang berikut:
- (a) Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, tipu atau menyalahi undang-undang;
  - (b) Pembayaran Fi Pengeluaran Kad Debit/Fi Tahunan/Fi Pembaharuan;
  - (c) Apa-apa bentuk lain perkhidmatan atau fi pelbagai yang dikenakan oleh HLISB.
16. Penjejakan Transaksi Layak akan didasarkan pada tarikh transaksi (dan waktu didasarkan pada Waktu Malaysia bagi Transaksi Layak) yang tercatat dalam sistem HLISB sepanjang Tempoh Kempen, ini untuk menentukan kelayakan bagi Pulangan Tunai 5% untuk Menjamu Selera dan Barang Runcit (“Pulangan Tunai”) (seperti yang diperihalkan dalam Fasal 17 di bawah) yang akan dilakukan selepas tamatnya Tempoh Kempen.
17. Pemegang Kad Layak yang membuat Transaksi Layak (mengikut takrif dalam Fasal 14 dan 15 di atas) dengan amaun minima RM50 belian dalam satu resit menggunakan mana-mana Kad Debit-i HLISB, akan layak untuk Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Kempen.

18. Pulangan Tunai yang diperuntukkan oleh HLISB bagi Promosi Pulangan Tunai 5% Kad Debit Hong Leong Islamic ini dihadkan pada Empat Puluh Ribu Ringgit Malaysia (RM45,000) hanya sepanjang Tempoh Promosi, atas dasar siapa cepat dia dapat.
19. Untuk mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai dihadkan pada Lima Puluh Ringgit Malaysia (RM50.00) s untuk satu (1) bulan sahaja sepanjang Tempoh Promosi untuk setiap Pemegang Kad Debit
20. Jadual Pulangan Tunai

Bulan Sertaan	(Tempoh 1) 1 Januari 2017 hingga 31 Januari 2017	(Tempoh 2) 1 Februari 2017 hingga 28 Februari 2017	(Tempoh 3) 1 Mac 2017 hingga 31 Mac 2017	JUMLAH
Jumlah Pulangan Tunai (RM)	15,000	15,000	15,000	45,000

\*Bagi tujuan patuh Syariah, Ganjaran Pulangan Tunai (Pulangan Tunai 5%) dianggap ‘hibah’ (hadiah) daripada HLISB kepada Pemegang Kad Layak.

21. Pendaftaran penyertaan tidak diperlukan.

#### **PEMENUHAN PEMBERIAN & PEMILIHAN PEMENANG**

22. Pemegang Kad Layak berhak mendapat Pulangan Tunai RM50 hanya SATU (1) kali dalam bulan sertaan atas dasar **siapa cepat dia dapat** dan memperoleh lebih daripada SATU (1) kali sepanjang Tempoh Kempen.
23. Transaksi Layak Terbahagi tidak dibenarkan dan akan ditolak.
24. Pengumuman Pemenang akan disiarkan dalam laman web HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) dan melalui SMS dalam masa dua belas (12) minggu selepas Tempoh Kempen.
25. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Belian Runcit Kad Debit-i Pemenang (Akaun Simpanan/Akaun Semasa yang dipautkan kepada Kad Debit-i) dalam masa dua belas (12) minggu setelah tamatnya Kempen.
26. Pembayaran Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ke-3 dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka atau manfaat barang.

#### **UMUM**

27. Dengan menyertai Promosi ini, Pemegang Akaun bersetuju:-
  - (a) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi, Terma & Syarat Am Akaun bagi Deposit Islamik dan Terma & Syarat Kad Debit-i;
  - (b) melayari laman sesawang HLISB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
  - (c) memberi keizinan dan membenarkan HLISB untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nama, nombor Kad Pengenalan (dalam bentuk terlindung) atau foto mereka disiarkan atau dipaparkan dalam bahan media, pemasaran atau laman sesawang HLISB untuk tujuan Promosi ini (jika berkenaan); dan
  - (d) keputusan HLISB atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad ke atas semua Pemegang Akaun dan sebarang surat-menyuarat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLISB tidak akan dilayan.
28. HLISB berhak untuk:-
  - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau menggantung atau menamatkan Promosi ini menurut budi bicara mutlak HLISB dalam masa **dua puluh satu (21)** hari kalender notis awal dengan cara menyiarkannya dalam laman sesawang HLISB atau dengan apa-apa cara lain yang difikir sesuai oleh HLISB;
  - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Akaun menurut budi bicara mutlaknya daripada menyertai Promosi atas apa jua sebab sekalipun termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan berikut:

- (i) jika Pemegang Akaun telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLISB; atau
  - (ii) jika Pemegang Akaun telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
29. Terma & Syarat di dalam ini, Terma & Syarat Umum Bagi Akaun dan Terma dan Syarat bagi Akaun Semasa-i, Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i) dan Terma dan Syarat Kad Debit-i hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan Terma & Syarat Umum Bagi Akaun dan Terma dan Syarat bagi Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i) dan Terma dan Syarat Kad Debit-i, maka Terma & Syarat di dalam ini hendaklah diutamakan bagi percanggahan tersebut.
30. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan Promosi, maka Terma & Syarat muktamad dalam laman sesawang HLISB pada tarikh terkini hendaklah diutamakan.
31. Terma & Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Peserta Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
32. Jika sekiranya terdapat percanggahan dari segi terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia, maka terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.